

CETRIZIN 10MG TABLET

(Cetirizine dihydrochloride)

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

APAKAH YANG ADA PADA RISALAH INI?

1. Apakah Kegunaan *CETRIZIN*
2. Bagaimana *CETRIZIN* berfungsi
3. Sebelum mengambil *CETRIZIN*
4. Cara menggunakan *CETRIZIN*
5. Semasa menggunakan *CETRIZIN*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Selepas menggunakan *CETRIZIN*
8. Maklumat lanjut
9. Pemegang pendaftaran produk & Pengilang

Baca seluruh risalah ini sebelum anda mula ambil ubat ini.

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Sekiranya anda perlu maklumat lanjut, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda.
- Ubat ini dipreskribkan kepada anda. Jangan berikan kepada orang lain. Ini mungkin membahayakan kesihatan mereka walaupun tanda-tandanya adalah sama dengan anda.
- Sekiranya kesan sampingan menjadi serius, atau anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

1. APAKAH KEGUNAAN *CETRIZIN*

CETRIZIN mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai *Cetirizine dihydrochloride*.

CETRIZIN digunakan untuk merawat:

- Tanda- tanda alahan
- Demam disebabkan alahan
- Kegatalan
- dan simptom-simptom alahan lain

2. BAGAIMANA *CETRIZIN* BERFUNGSI

Dalam tindak balas alahan, badan akan menghasilkan *histamine*. *Histamine* boleh menyebabkan ruam, bersin, gatal dan penyakit alahan lain. *CETRIZIN* mengandungi *Cetirizine dihydrochloride* yang merupakan sejenis bahan *antihistamine*

yang membantu menghentikan *histamine* daripada bertindak didalam badan yang boleh menyebabkan gejala-gejala alahan.

3. SEBELUM MENGAMBIL *CETRIZIN*

Bila tidak boleh diambil

Anda tidak boleh mengambil *CETRIZIN* sekiranya anda:

- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif *CETRIZIN* iaitu *Cetirizine dihydrochloride*, atau kepada bahan-bahan lain dalam produk ini.
- Mengandung, atau beranggapan anda telah mengandung.
- Menyusu atau merancang untuk mula menyusu.

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami alahan terhadap ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda ada mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang didapatkan tanpa preskripsi.

Semasa Mengandung dan Menyusu Bayi

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda mengandung, beranggapan anda telah mengandung atau bercadang untuk mengandung. *CETRIZIN* tidak disyorkan semasa mengandung dan mungkin akan membahayakan bayi anda.

Maklumkan kepada doktor sekiranya anda sedang menyusu atau bercadang untuk menyusu. *CETRIZIN* tidak disyorkan untuk digunakan untuk ibu yang sedang menyusu. Doktor anda mungkin akan pilih rawatan yang lain sekiranya anda ingin menyusu bayi anda.

4. CARA MENGGUNAKAN *CETRIZIN*

Sentiasa ambil *CETRIZIN* sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak harus diambil

- *Dewasa dan kanak-kanak berusia 12 tahun keatas*

Mulakan dengan mengambil 10mg setiap hari dan dosej boleh ditambahkan kepada 20mg sehari bergantung kepada maklumbalas anda dan simptom-simptom alahan.

- *Kanak-kanak berusia 6 tahun dan keatas*
Mulakan dengan mengambil 10mg setiap hari atau untuk memudahkan pengambilan bagi kanak-kanak, tablet boleh dibahagikan setengah dan diberikan sebagai 2 dosej 5mg, diambil 2 kali sehari.

Bila perlu diambil

Ambil *CETRIZIN* pada waktu yang sama setiap hari.

Diambil dengan makanan dan minuman

CETRIZIN boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan ubat ini selagi anda diarahkan oleh doktor.

Jika terlupa mengambil

Ambil dos anda sejurus anda teringat, dan teruskan mengambil ubat anda seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang anda terlupa, atau mengambil lebih daripada 1 dos. Ini akan mengakibatkan kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan, anda hendaklah segera pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda. Ini perlu dilakukan walaupun

CETRIZIN 10MG TABLET

(Cetirizine dihydrochloride)

tiada sebarang tanda ketidakselesaian atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat yang selebihnya dengan anda.

Pengambilan *CETRIZIN* secara berlebihan boleh mengakibatkan simptom mengantuk yang serius.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini.

5. SEMASA MENGGUNAKAN *CETRIZIN*

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil *CETRIZIN* mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada ambil sebarang ubat lain, termasuk ubat tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.
- Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda telah mengandungi, atau bercadang untuk mengandungi semasa mengambil *CETRIZIN*.
- Jika anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil *CETRIZIN*.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil *CETRIZIN* tanpa kebenaran doktor anda. Adalah amat penting untuk anda meneruskan pengambilan ubat anda walaupun anda berasa sihat.
- Jangan guna *CETRIZIN* yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan strip ubat.
- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai masalah kesihatan yang sama dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

• Memandu dan menggunakan mesin

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin semasa anda mengambil *CETRIZIN*. *CETRIZIN* mungkin menyebabkan kepeningan atau mengantuk pada sesetengah orang. Jikalau anda mengalami kepeningan atau mengantuk, dapatkan nasihat doktor anda sebelum menjalani aktiviti-aktiviti sebegini.

Pengambilan alkohol bersama *CETRIZIN* boleh memburukkan simptom kepeningan atau mengantuk.

6. KESAN-KESAN SAMPINGAN

Semua ubat mempunyai kesan sampingan. *CETRIZIN* mungkin menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan setiap individu akan mengalaminya.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti berikut:

- Sakit kepala
- Pening
- Mengantuk
- Kegelisahan
- Mulut kering
- Ketidakselesaian perut

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya kesan sampingan menjadi serius atau anda mengalami reaksi lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

7. SELEPAS MENGGUNAKAN *CETRIZIN*

Penyimpanan

Simpan di tempat sejuk dan kering diantara suhu 25°C-30°C. Simpan dalam bungkusan asal untuk melindungi daripada cahaya, haba dan kelembapan.

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan guna *CETRIZIN* yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak atau strip.

Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil *CETRIZIN*, atau ia telah melebihi tarikh luput, tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk mengendalikannya baki ubat tersebut.

8. MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna *CETRIZIN*.

CETRIZIN 10mg tablet adalah berbentuk dwicembung bujur dengan garis pembelahan pada satu permukaan dan disaluti dengan filem berwarna putih.

Setiap strip *CETRIZIN* terdapat 10 biji tablet yang dibungkus dalam pek 10 dan 50 strip sekotak.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif :

Setiap tablet mengandungi 10mg *Cetirizine dihydrochloride*.

Bahan-bahan lain:

Colloidol silicon dioxide, Hydroxypropyl methyl cellulose, Polysorbate, Lactose, Sodium starch glycolate, Corn starch, Polyethylene glycol, Povidone, Magnesium stearate.

Nombor pendaftaran

MAL2001127429A

9. PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK & PENGILANG

Pemegang Pendaftaran Produk:
IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 1 & 2, Jalan 6/33B,
MWE Commercial Park,
52000 Kuala Lumpur. Malaysia

Dikilangkan oleh:

T.O CHEMICALS (1979) Ltd.

CETRIZIN 10MG TABLET

(Cetirizine dihydrochloride)

Risalah Maklumat Ubat Pengguna

280 Soi Sabaijai, Suthisarn Road,
Bangkok 10320, Thailand.

Tarikh kemaskini: Nov-2011